

29 DEC 2002

SISTEM MENGUNDI SECARA ELEKTRONIK TIDAK MASUK AKAL, KATA DAP

PULAU PINANG, 29 Dis (Bernama) -- Pengerusi DAP kebangsaan Lim Kit Siang hari ini menyifatkan cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk memperkenalkan sistem mengundi secara elektronik sebagai tidak masuk akal.

Beliau berkata adalah tidak munasabah bagi badan berkenaan untuk bercakap mengenai pelaksanaan sistem mengundi secara elektronik bagi pilihan raya akan datang sedangkan ia tidak dapat mengendalikan pendaftaran pengundi secara online atau menyempurnakan tugas paling asas iaitu menyediakan senarai pengundi yang bersih dan sah serta bebas daripada pengundi hantu.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, beliau berkata SPR seharusnya memberikan keutamaan kepada memperkenalkan sistem pendaftaran pengundi secara automatik, di mana warganegara yang mencapai usia 21 tahun serta layak menjadi pemilih diletakkan dalam senarai pengundi secara automatik berdasarkan alamat pada kad pengenalan dan untuk menyingkirkan pengundi-pengundi hantu dari senarai pengundi.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meletakkan angka pengundi hantu sebagai 2.8 juta manakala Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula berkata tidak seharusnya ada kesukaran dalam mengesan pengundi-pengundi hantu memandangkan SPR dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan dilengkapi sistem komputer sepenuhnya.

Kit Siang berkata DAP bersetuju sepenuhnya terhadap keperluan untuk membersihkan secara keseluruhan senarai pemilih bagi memastikan pengundian tidak dicemari oleh penipuan, pembohongan serta pengundi-pengundi hantu dan integriti SPR menjadi taruhan sama ada ia mampu membersihkan senarai pengundi daripada pengundi-pengundi hantu.

-- BERNAMA
ZU JK ROS